



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


20 OGOS 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **2,738 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **116,667 kes**. Sebanyak 17 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu lima (5) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Tuaran, masing-masing dua (2) kes di Beaufort dan Sandakan manakala Sipitang, Semporna, Kinabatangan, Putatan dan Tawau mencatatkan satu (1) kes di setiap daerah. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 1,752 menjadikan jumlah kumulatif 94,975 orang. Seramai 5,056 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,306 orang di hospital, 3,715 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 25 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 10 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 162 orang dan 74 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah kes positif COVID-19 Sabah pada hari ini ialah (2,738) kes iaitu peningkatan (155) kes berbanding (2,583) kes yang dicatatkan semalam (19 Ogos 2021).
- b. Kota Kinabalu kekal sebagai daerah tertinggi kes COVID-19 dengan (454) kes turun mencatatkan sedikit penurunan (-21) berbanding semalam. Penampang naik (+26) kes kepada (328) kes, Sandakan (236) kes, tambahan (+66) kes dan Tuaran melonjak ke (235) kes, bertambah (+72) kes. Tawau turun sedikit kepada (225) kes tetapi Sipitang naik (+45) kes kepada (181) kes. Daerah-daerah lain yang mencatat 3 angka ialah Papar (138) kes dan Putatan (104) kes. Ranau menambah (+75) kes kepada (94) kes, Lahad Datu (94) kes (turun 27) kes, Keningau (83) kes (turun 42) kes, Kinabatangan (74) kes (naik 34) kes dan Tongod naik (33) kes kepada (58) kes.
- c. Jumlah kes yang diumumkan setiap hari tidak semestinya berlaku (apabila keputusan saringan diketahui) dan didaftar dalam tempoh 24 jam yang lalu. (247) kes atau 9.02% hari ini adalah kes berdaftar lewat (backlog) lebih 5 hari, (223) kes, 4 hingga 5 hari dan (1012) kes atau 37% berdaftar selepas 2-3 hari keputusan saringan diketahui. Pendaftaran lewat ini berlaku kerana pengumpulan dan penyemakan data secara teliti serta melibatkan jumlah yang agak banyak. Maklumat-maklumat ini juga datang daripada pelbagai daerah di negeri Sabah.
- d. Saringan Kontak Rapat iaitu (1,616) kes atau 59.02% adalah penyumbang terbesar kepada kes harian, diikuti dengan kumpulan Saringan Bergejala (654) kes atau 23.89% dan Saringan Kluster (172) kes atau 6.28%.
- e. Pesakit dalam Kategori 2 kekal kumpulan terbanyak, (1,601) kes atau 58.5%, Kategori 1 (1,073) kes atau 39.2%, (10) kes dalam Kategori 3, dan masing-masing empat (4) kes dalam Kategori 4 dan 5.

- f. Setakat 19 Ogos 2021, seramai 50.3% penduduk dewasa negeri Sabah telah pun memperolehi satu dos vaksin dan 26.9% telah melengkapkan dua dos.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (1,616) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	172	6.28%
2	Bergejala	654	23.89%
3	Kontak	1,616	59.02%
4	Bersasar	76	2.78%
5	Lain-lain	220	8.04%
JUMLAH		2,738	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (19 Ogos 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 19/08/2021	Catatan Kes 20/08/2021	Perbandingan
1	Ranau	19	94	+75
2	Tuaran	163	235	+72
3	Sandakan	170	236	+66
4	Sipitang	136	181	+45
5	Kinabatangan	40	74	+34
6	Tongod	25	58	+33
7	Penampang	302	328	+26
8	Papar	118	138	+20
9	Tambunan	7	14	+7
10	Telupid	32	37	+5
11	Kuala Penyu	20	22	+2
12	Nabawan	27	28	+1
13	Kota Belud	69	69	Kekal
14	Keningau	125	83	-42
15	Beluran	71	41	-30
16	Lahad Datu	121	94	-27
17	Kota Kinabalu	475	454	-21
18	Tenom	48	28	-20
19	Kudat	34	16	-18
20	Tawau	240	225	-15
21	Kunak	50	36	-14
22	Kota Marudu	59	47	-12
23	Putatan	114	104	-10
24	Kalabakan	17	10	-7
25	Pitas	32	26	-6
26	Semporna	17	12	-5
27	Beaufort	52	48	-4
JUMLAH		2,583	2,738	+155

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (06 Ogos - 19 Ogos)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	244	144	14	52	454	5,413
Penampang	0	206	103	0	19	328	2,488
Sandakan	2	95	82	0	57	236	1,933
Tuaran	0	192	32	5	6	235	1,873
Tawau	0	119	78	0	28	225	2,939
Sipitang	24	83	16	56	2	181	745
Papar	0	93	41	0	4	138	1,026
Putatan	0	49	48	1	6	104	667
Lahad Datu	6	75	12	0	1	94	688
Ranau	71	22	1	0	0	94	341
Keningau	1	55	19	0	8	83	1,294
Kinabatangan	27	39	6	0	2	74	595
Kota Belud	0	59	10	0	0	69	901
Tongod	28	28	2	0	0	58	299
Beaufort	0	40	7	0	1	48	597
Kota Marudu	1	41	5	0	0	47	353
Beluran	0	26	2	0	13	41	621
Telupid	1	35	1	0	0	37	448
Kunak	0	22	13	0	1	36	222
Tenom	6	16	3	0	3	28	408
Nabawan	0	24	1	0	3	28	137
Pitas	0	20	4	0	2	26	186
Kuala Penyu	5	14	0	0	3	22	112
Kudat	0	7	5	0	4	16	176
Tambunan	0	7	5	0	2	14	160
Semporna	0	3	8	0	1	12	131
Kalabakan	0	2	6	0	2	10	304
JUMLAH	172	1,616	654	76	220	2,738	25,057

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Batu 27 Sook	1
Kota Marudu	Kluster Gunsapau	1
Sipitang	Kluster Kampung Melamam	24
Tenom	Kluster Sibulu	6
Kuala Penyu	Kluster Batu Linting	5
Ranau	Kluster Paka Kawiyan	47
	Kluster Timbua	24
Sandakan	Kluster Lebu Empat	2
Lahad Datu	Kluster Cenderawasih	1
	Kluster Segama Batu 1	5
Tongod	Kluster Jalan Corak	28
Kinabatangan	Kluster Sawit Sukau	27
Telupid	Kluster Gambaron 2	1
JUMLAH		172

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Sawit Sukau - Kinabatangan, Lahad Datu berlaku di sebuah ladang sawit di Mukim Sukau, Kinabatangan. Kes indeks merupakan pekedai runcit, lelaki, 54, di dalam ladang sawit itu. Kes indeks yang menjalani saringan tempat kerja di Klinik Kesihatan Mabello Paris, Kinabatangan pada 6 Ogos 2021, disahkan positif COVID-19 (RTK-Ag) dan telah dirujuk ke Hospital Lahad Datu untuk rawatan selanjutnya dan telah didaftarkan di daerah Lahad Datu. Aktiviti persampelan kontak sosial, pekerja dan tanggungan mendapati 29 lagi kes positif baharu pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 30 kes. Siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebaran jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja ladang berdekatan yang lain.

7 Jumlah kapasiti katil 6,595 unit

- Hospital 1,355 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,568 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 75.44%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 20 OGOS 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	2,675
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	40
Orang Dalam Tahanan /Banduan	23
Jumlah	2,738

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	11
WP Kuala Lumpur	14
Negeri Sembilan	2
Kelantan	2
Johor	4
Perak	3
Sarawak	1
Pahang	1
WP Labuan	2
Jumlah	40

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	2,362
Bukan Malaysia	376
Jumlah	2,738

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin	731
Belum Menerima Vaksin	1,014
Menerima 1 Dos	583
Lengkap 2 Dos	410
Jumlah	2,738

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	57
1 to 5	187
6 to 17	487
18 to 59	1,823
>60	184
Jumlah	2,738

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 20 Ogos 2021)
1	Tawau	31
2	Kota Kinabalu	20
3	Tuaran	12
4	Kota Belud	9
5	Penampang	7
6	Sipitang	6
7	Beluran	4
8	Ranau	4
9	Kota Marudu	3
10	Papar	3
11	Beaufort	2
12	Keningau	2
13	Kinabatangan	2
14	Kudat	2
15	Putatan	2
16	Tenom	2
17	Lahad Datu	1
18	Nabawan	1
19	Tambunan	1
20	Telupid	1
JUMLAH		115

D PELAKSANAAN PKPD BARU

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Empat (4) Lokaliti di Kota Belud <ul style="list-style-type: none">• Kg Kulambai, Kg Kulambai Kupang dan Kg Kulambai Gundau• Kg Labuan• Kg Ambong Tolus• Kg Tuguson	22 Ogos 2021	04 September 2021
2.	Dua (2) lokaliti di Lahad Datu <ul style="list-style-type: none">• Perumahan Ladang Cantawan, Silabukan• Perumahan Lestari, Felda Sahabat 48	22 Ogos 2021	04 September 2021
3.	Dua (2) lokaliti di Tawau <ul style="list-style-type: none">• Taman Millennium• Taman Kinabutan Ria	22 Ogos 2021	04 September 2021
4.	Kg Tangkuyan, Tongod	22 Ogos 2021	04 September 2021

E PELANJUTAN PKPD

Berdasarkan analisa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta *trend* jangkitan COVID-19, beberapa PKPD yang akan dilanjutkan seperti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Bandar Sinsuran, Kota Kinabalu	21 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 22 Ogos 2021 sehingga 04 September 2021
2.	Dua (2) lokaliti di Kota Kinabalu <ul style="list-style-type: none">• University Condo Apartment 2• Rumah Murah Kepayan	21 Ogos 2021	Dilanjutkan dari 22 Ogos 2021 sehingga 04 September 2021

F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Kg Lohan, ranau	8 Ogos 2021	Ditamatkan pada 21 Ogos 2021, seperti yang dijadualkan

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.

- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **30,096** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,349,176 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **31,904** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 696,804 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 16,710 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 1,488,528 (Mysejahtera 1,406,303: Laman Web 81,886: Talian Vaksinasi 339) bersamaan 54.0%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **441,212** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 162 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 37,214 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 241 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 27 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 11 Orang : Gagal Mendaftar Masuk Premis
 - Satu (1) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
 - Tiga (3) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Tiga (3) Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
 - Sembilan (9) Orang : Pemilik Premis Gagal Melaksanakan Penjarakan Sosial

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 88 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 30 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan sebanyak empat (4) tangkapan dibuat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,074 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Sebanyak tiga (3) notis dikeluarkan iaitu satu (1) di daerah Kudat dan dua (2) di daerah Pitas.
 - iii Tiada kompaun di keluarkan pada hari ini.
 - iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 185 premis perniagaan dan 493 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 300 Premis Perniagaan melibatkan 156 anggota APM. Sebanyak lapan (8) Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 161 anggota di 204 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 22 premis, melibatkan 13 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 99 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 111 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96%
2	Kunak	96%
3	Tenom	95%
4	Kota Marudu	95%
5	Ranau	95%
6	Kudat	95%
7	Keningau	95%
8	Beaufort	95%
9	Lahad Datu	95%
10	Sipitang	95%
11	Tuaran	95%
12	Kota Belud	95%
13	Papar	95%
14	Beluran	95%
15	Kinabatangan	95%
16	Tawau	94%
17	Penampang	94%
18	Kota Kinabalu	94%
19	Sandakan	94%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**